

08/07/2001

Menteri Kewangan diumumkan tidak lama lagi: PM

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menafikan semua nama yang pernah disebut-sebut mengenai pengganti Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan baru.

"Saya tidak faham mengapa ramai suka membuat spekulasi. Semuanya tidak berasas, tetapi masih ada yang mahu mendengar," katanya pada sidang media selepas konvensyen Barisan Nasional (BN) di sini, semalam.

Dr Mahathir ditanya mengenai laporan akhbar semalam yang membuat spekulasi kononnya Penasihat Ekonomi kepada Perdana Menteri yang juga bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman akan dilantik Menteri Kewangan kedua.

"Surat khabar boleh membuat spekulasi. Kita tunggu dan lihat sama ada semua spekulasi ini ada kebenarannya," katanya.

Perdana Menteri dikatakan akan membuat pengumuman itu secepat mungkin, dan beliau dijangka terus memegang jawatan itu untuk merangka dasar, manakala Ali Abul akan mengendalikan urusan harian kementerian berkenaan.

Diminta mengulas kenyataannya sebelum ini iaitu beliau sudah mempunyai satu pasukan mantap di kementerian berkenaan, Dr Mahathir berkata mereka terbabit ialah dua timbalannya, Ketua Setiausaha Kementerian (KSU), Gabenor Bank Negara serta dua penasihat ekonomi.

"Saya mempunyai ramai orang, mereka semua bekerja untuk saya. Saya boleh memilih salah seorang... saya tidak tahu mungkin KSU akan menjadi Menteri Kewangan," katanya.

Ditanya sama ada ramalan pertumbuhan pinjaman bank pada kadar lapan peratus yang diumumkan pada Belanjawaan 2000 masih kekal, beliau berkata kerajaan masih berpegang kepada kadar berkenaan.

"Ya, bank memang sentiasa menuntut daripada peminjam, kecuali jika peminjam tidak mampu untuk melunaskan pinjaman ia akan dirujuk kepada Danaharta," katanya.

(END)